

**SOALAN-SOALAN LAZIM / FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQ)  
PEMBERIAN INSENTIF MORATORIUM / PENANGGUHAN BAYARAN BALIK  
SECARA *ONE-OFF* KEPADA PEMINJAM PINJAMAN PELAJARAN MARA  
AKIBAT PENULARAN WABAK COVID-19**

1. **Soalan** : **Apakah yang dimaksudkan dengan Insentif Moratorium?**

Jawapan : Insentif Moratorium adalah penangguhan bayaran balik pinjaman **secara automatik** untuk kemudahan Pinjaman Pelajaran MARA kesan daripada penularan wabak COVID-19.

2. **Soalan** : **Bilakah insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini berkuatkuasa?**

Jawapan : Insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini adalah berkonsepkan *one-off* dan berkuatkuasa dalam tempoh **tiga (3) bulan** bermula daripada **01 April 2020 hingga 30 Jun 2020**.

3. **Soalan** : **Bolehkah insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini diberi selepas tempoh tersebut?**

Jawapan : Insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini diberi secara automatik tertakluk kepada tempoh yang telah ditetapkan iaitu **tiga (3) bulan** bermula daripada **01 April 2020 hingga 30 Jun 2020** sahaja.

5. **Soalan** : **Siapakah yang layak untuk menerima insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini?**

Jawapan : Peminjam kemudahan Pinjaman Pelajaran dan Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA berstatus pembayar dan telah dikeluarkan Jadual Bayaran Balik (JBB) layak menerima penangguhan ini tertakluk kepada syarat / kriteria berikut:-

- i. Peminjam yang **tidak mempunyai tunggakan bayaran balik atau tunggakan bayaran balik tidak melebihi tiga (3) bulan**; DAN
- ii. Merupakan penerima kemudahan Pinjaman Pelajaran termasuk kemudahan Pendahuluan Pinjaman Pelajaran tertakluk kepada perjanjian yang masih berkuatkuasa.

6. **Soalan** : **Jika saya seorang usahawan yang menjalankan perniagaan, dan pada masa yang sama, saya juga merupakan peminjam Pinjaman Pelajaran MARA, adakah saya layak untuk menerima insentif ini?**

Jawapan : Peminjam layak untuk menerima kemudahan ini tertakluk kepada syarat dan kriteria yang tertera di jawapan soalan kelima (ke-5).

7. **Soalan** : **Adakah peminjam yang bertunggakan melebihi empat (4) bulan layak menerima insentif penangguhan ini?**

Jawapan : Insentif penangguhan bayaran balik ini hanya layak kepada peminjam yang tidak mempunyai tunggakan atau tunggakan bayaran balik tidak melebihi tiga (3) bulan. Sekiranya tunggakan melebihi tiga (3) bulan, peminjam perlu menyelesaikan bayaran tunggakan tersebut bagi menikmati insentif ini.

8. **Soalan** : **Sekiranya penularan wabak COVID-19 masih belum pulih sepenuhnya dan Kerajaan terpaksa memanjangkan tempoh arahan yang dikeluarkan, adakah insentif penangguhan bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA ini akan diteruskan?**

Jawapan : Semakan ke atas polisi serta dasar MARA berhubung kemudahan yang disediakan ini akan diteliti berdasarkan peraturan yang ditetapkan daripada semasa ke semasa dan arahan Kerajaan selanjutnya. Sebarang makluman terkini akan dihebahkan melalui medium rasmi MARA.

9. **Soalan** : **Adakah tempoh bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA akan dilanjutkan hasil daripada kemudahan insentif penangguhan ini?**

Jawapan : Tempoh bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA akan dilanjutkan melalui penstrukturan semula bayaran balik pinjaman secara automatik melalui janaan komputer.

10. **Soalan** : **Apakah manfaat yang akan diperolehi oleh peminjam daripada insentif ini?**

Jawapan : Peminjam akan menikmati insentif penangguhan bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA selama tiga (3) bulan dan dikecualikan daripada sebarang tindakan penguatkuasaan dan mahkamah.

11. **Soalan** : **Jika saya merupakan pelanggan MARA untuk pelbagai kemudahan dan mempunyai tiga (3) akaun dengan MARA iaitu, Pinjaman Pelajaran, Pendahuluan Pinjaman Pelajaran dan Pembiayaan Perniagaan MARA, adakah saya layak menerima insentif penangguhan bayaran balik untuk ketiga-tiga akaun tersebut?**

Jawapan : Peminjam yang mempunyai pelbagai (*multiple*) akaun dengan MARA layak untuk menerima insentif moratorium atau penangguhan bayaran balik secara automatik bagi Pinjaman Pelajaran termasuk Pendahuluan Pinjaman Pelajaran beserta Pembiayaan Perniagaan MARA secara serentak namun tertakluk kepada syarat dan ketetapan bagi kemudahan tersebut.

12. **Soalan** : **Jika saya telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik daripada mana-mana institusi kewangan atau bank, adakah saya layak menerima kemudahan insentif ini daripada MARA?**

Jawapan : Peminjam layak menerima insentif yang diberikan oleh MARA berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

13. **Soalan** : **Bagaimana untuk menyemak sama ada saya layak atau tidak menerima insentif ini?**

Jawapan : Peminjam boleh membuat semakan di sistem e-Baki di Portal MARA dari semasa ke semasa selewat-lewatnya pada 30 April 2020.

14. **Soalan** : **Apakah dokumen yang diperlukan untuk insentif ini?**
- Jawapan : Tiada dokumen yang diperlukan kerana insentif ini akan dijana secara automatik berdasarkan syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
15. **Soalan** : **Bagaimanakah jika saya tidak perlu insentif penangguhan ini dan ingin meneruskan bayaran balik pinjaman?**
- Jawapan : Peminjam boleh membuat bayaran balik bulanan seperti biasa dan pembayaran adalah secara atas talian (*online*) sahaja.
16. **Soalan** : **Saya membuat bayaran balik pinjaman secara potongan gaji, adakah saya layak menerima insentif ini?**
- Jawapan : Peminjam perlu memaklumkan kepada majikan untuk menghentikan potongan gaji. Pihak MARA akan melaksanakan penangguhan bayaran balik bagi bulan April 2020 jika makluman diterima oleh MARA daripada majikan. Majikan perlu emel kepada Pn Junaidah Mohamed, [jun@mara.gov.my](mailto:jun@mara.gov.my) atau Pn Zafirah Ali, [zafirah@mara.gov.my](mailto:zafirah@mara.gov.my) sebelum 8 April 2020.
- Tiada pemulangan (*refund*) akan dibuat ke atas bayaran balik yang telah diterima.
17. **Soalan** : **Saya membuat bayaran balik pinjaman melalui Arahan Tetap (SI) dari bank, adakah saya layak menerima insentif ini?**
- Jawapan : Peminjam perlu memaklumkan kepada bank yang memberi Arahan Tetap (SI) untuk menanggungkan bayaran balik tersebut dalam tempoh insentif MARA ini.
18. **Soalan** : **Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA jika mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung insentif ini?**
- Jawapan : Untuk maklumat lanjut sila hubungi :-
- Talian Rasmi MARA : MARA Call Center (MCC): 03-2613 2000
- Talian Rasmi Bahagian Kawalan Kredit MARA : 03-261 32286 / 32131 / 32132 / 32133 / 32288 / 32399 / 32197 / 32143.
- atau email kepada : [infobkk@mara.gov.my](mailto:infobkk@mara.gov.my)